

TEKS UCAPAN
Y.BHG. BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,
NAIB CANSELOR UniMAP

SEMPENA MAJLIS PELANCARAN & WATIKAH PELANTIKAN
JALINAN PERMUFAKATAN SEKOLAH KLUSTER
KECEMERLANGAN DENGAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
AWAM (SKK-IPTA) UniMAP FASA 3 & 4

17HB JANUARI 2012 (SELASA)

Terima kasih saudara pengacara majlis.

ASSALAMUALAIKUM WBT & SALAM SEDEKAD GEMILANG
UniMAP

Y.Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar B. Zahid Jamal, Timb. Naib
Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP Merangkap
Pengerusi Induk SKK-IPTA UniMAP

Y.Bhg. Tuan Abdul Rashid B. Sulaiman, Pengetua Sek. Men.
Keb. Dato' Sheikh Ahmad Arau, Perlis

Y.Bhg. Tuan Haji Sulaiman B. Md. Zain, Pengetua Sek. Men.
Teknik Alaor Star, Kedah

Yang Berusaha Pn. Zaiton Abd. Hamid, Wakil Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh & Sekolah
Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP

UKS – RAJA SHAH ERMAN

Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-Dekan / Ketua-Ketua Jabatan

Guru-Guru Pengiring

Rakan-Rakan Media

Jawatankuasa Penganjur

Yang Diraikan Para Pelajar Sekolah Kluster Kecemerlangan

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, suka saya melafazkan setinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurninya jua maka dapatlah kita bersama dalam majlis yang cukup bermakna bagi memperkasakan lagi pendidikan negara.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada delegasi Sekolah Kluster Kecemerlangan : Sek. Men. Teknik Alor Star, Kedah dan Sek. Men. Keb. Dato' Sheikh Ahmad Arau, Perlis Ke Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) – ***'Alam kejuruteraan, berteknologi hijau, sedekad gemilang'***

3. UniMAP (dahulunya dikenali sebagai KUKUM) bakal berusia 10 tahun pada Februari ini. Sepanjang usia itulah komitmen UniMAP terhadap pembangunan komuniti khususnya sektor pendidikan di sekolah tidak terputus walau seinci pun. Untuk rekod, sebanyak 33 program/aktiviti melibatkan sekolah di seluruh negara sedang diteruskan oleh UniMAP sehingga hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

(Kluster Melonjakkan Kecemerlangan)

4. UniMAP sedar usaha berterusan pelbagai pihak dalam memartabatkan sistem pendidikan di negara ini ke arah melonjakkan kualiti modal insan terbilang menjadi teras kepada wawasan 2020. Setiap perancangan dan hasil pelaksanaan memerlukan masa untuk melihat kejayaannya. Namun apa yang penting untuk kita tentukan pada peringkat ini ialah ianya perlu mendapat momentum untuk dilaksanakan.
5. Pelaksanaan program jalinan permuafakatan SKK-IPTA ini ibarat kita menuai padi di bendang yang luas. Ianya berkait dengan proses 'buy-in' kepada semua stake holders khasnya kepada mereka yang terlibat secara langsung untuk menjayakannya, pembahagian sumber-sumber serta menyedia dan melaksanakan

pelan tindakan yang sesuai untuk memenuhi sasaran. Saya percaya bahawa perkara-perkara ini sedang dilakukan oleh semua pihak baik dip peringkat kementerian dan institusi.

6. Saya mengambil maklum bahawa sekolah kluster kecemerlangan ini telah diwujudkan sejak tahun 2009 (bagi pelaksanaan fasa pertama & kedua) dan 2 sekolah di Perlis ini sendiri telah ditindikkan kepada UniMAP iaitu SMK Derma Dan S.R.K. Sena. Dan pada tahun ini, UniMAP diberi kepercayaan sekali lagi oleh Kementerian Pengajian Tinggi & Kementerian Pelajaran Malaysia dengan memakmurkan jalinan permuafakatan 2 buah sekolah 1 dari Perlis dan 1 lagi dari Kedah. Tahniah diucapkan kepada pihak sekolah.

7. Memetik teks ucapan Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, yang juga Menteri Pelajaran – ***”Sekolah Kluster seharusnya mempunyai kekuatan atau kecenderungan tertentu, sama ada dalam bidang kurikulum atau kokurikulum. Sekolah boleh terus memajukan bidang tersebut berdasarkan keupayaan, kekuatan, kemudahan, hubungan dengan komuniti dan infrastruktur yang sedia ada.*** Kenyataan ini memperlihatkan bahawa sekolah kluster ini mempunyai potensi yang tinggi dalam 'niche area' masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

(Perkongsian Menyokong Agenda Nasional)

8. Bagi Kementerian Pengajian Tinggi, khususnya UniMAP sendiri, permuafakatan seumpama ini menyokong kepada '***National Key Economic Area (NKEA)*** yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia. Sektor pendidikan menjadi salah satu fokus utama dalam mentransformasi negara Malaysia. Kluster atau keistimewaan potensi ini dipilih selarai dengan rangkaian institusi akademik dan peserta industri yang berganding bahu untuk menambah baik tawaran dan meningkatkan piawaian bagi meluaskan capaian dan pengiktirafan. Kelompok seperti ini akan membolehkan institusi Malaysia mengatasi cabaran skala dan kualiti yang dihadapi dengan membolehkan mereka memanfaatkan sumber dikongsi, lantas bersama-sama mengurangkan risiko dan membangunkan piawaian kualiti hak milik sendiri dengan kerjasama industri. Kelompok berbilang disiplin boleh dibangunkan untuk memenuhi keperluan menyalurkan modal insan kepada setiap sektor NKEA.

9. Bersesuaian dengan objektif permuafakatan SKK-IPTA itu sendiri, maka saya mengharapkan ruang dan peluang yang dimiliki oleh sekolah kluster ini dapat

menggalakkan perbincangan dan diskusi melalui semua aspek dalam meningkatkan jalinan kerjasama dengan UniMAP.

10. Kepakaran dan kemudahan terkini yang dimiliki oleh UniMAP diharapkan dapat membantu seluas-luasnya bidang kebitaraan masing-masing disamping percambahan idea dan perkongsian pintar 2 hala seharusnya menjadi teras utama kepada pelaksanaan program ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

(Perkongsian Menyokong Agenda Nasional)

11. Dengan izin Allah SWT, pada malam ini, 3 pihak akan bermuafakat dalam menyumbang ke arah kelestarian kecemerlangan pendidikan negara. **UniMAP, SMK DATO' SHEIKH AHMAD** dan **SM TEKNIK ALOR STAR** akan berkayuh dan mendayung bersama **13 bidang kebitaraan dan kepakaran** masing-masing :

- I. Sains (kimia, fizik & biologi)***
- II. Agroteknologi / sains pertanian***
- III. Robotik***
- IV. Matematik Tambahan***
- V. Bahasa Malaysia***
- VI. Sukan – hoki & softball***

- VII. Produk & Pengkomersilan Penyelidikan**
- VIII. Program pengantarabangsaan**
- IX. Kemahiran insaniah**
- X. Program kemasyarakatan**
- XI. Industri**
- XII. Kaunseling/bimbingan & ceramah profesional**
- XIII. Kemudahan perpustakaan**

12. Atas amanah yang diberikan oleh pihak KPT kepada UniMAP, sebentar lagi juga UniMAP akan menyampaikan watakah jalinan kepada :

- I. Sek. Men. Ked. Dato' Sheikh Ahmad, Arau**
- II. Sek. Men. Teknik Alor Star**

Saya mendoakan agar jalinan ini akan terus diharmonikan sehingga mencapai objektif yang disasarkan. Sesungguhnya UniMAP sentiasa akan menjadi peneraju kepada kecemerlangan pendidikan di negara ini. Terima kasih kepada semua yang hadir dan menjayakan program ini.

**Sedekad Gemilang Sahutan Iltizam,
Kluster Kecemerlangan Medan Perjuangan,
Kesohoran Institusi Pembina Azam,
Perkongsiian Pintar Membina Permuafakatan”**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan **Jalinan Permuafakatan Sekolah Kluster Kecemerlangan Dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (Skk-Ipta) Unimap Fasa 3 & 4.**

Sekian, terima kasih.